

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLA  
[LABUAN]**

**TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah bagi setiap jenis permohonan berkaitan tanah di Labuan ke Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan untuk tahun 2014 hingga kini dan berapa dari jumlah itu yang sudah diangkat ke mesyuarat jawatankuasa dan berapa kerap mesyuarat diadakan untuk jangka masa tersebut.**

**JAWAPAN :YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) telah menerima sebanyak 434 permohonan yang melibatkan 12 jenis permohonan berkaitan tanah bagi tahun 2014 hingga kini. Pecahan permohonan adalah seperti berikut:

| <b>Bil.</b>                          | <b>Jenis Permohonan</b>  | <b>Jumlah Permohonan</b> |
|--------------------------------------|--|--------------------------|
| 1.                                   | Pemberimilikan tanah Kerajaan  | 78                       |
| 2.                                   | Permohonan bagi lanjut tempoh pajakan  | 36                       |
| 3.                                   | Lesen Pendudukan Sementara   | 12                       |
| 4.                                   | Permohonan Perizaban   | 36                       |
| 5.                                   | Permit Batuan (pasir laut)   | 3                        |
| 6.                                   | Permohonan Permit Ruang Udara  | 2                        |
| 7.                                   | Pembangunan Tanah  | 20                       |
| 8.                                   | Permohonan Tukar Syarat  | 112                      |
| 9.                                   | Permohonan kebenaran pindah milik/ mencagar/<br>menggadai/ memajak/ memiliki bagi bukan<br>warganegara | 89                       |
| 10.                                  | Permohonan serah dan berimilik   | 20                       |
| 11.                                  | Permohonan Pembatalan Natif  | 1                        |
| 12.                                  | Permohonan Hal-Hal Lain  | 25                       |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN</b> |  | <b>434</b>               |

Jumlah permohonan yang telah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (MJKKT WP) adalah sebanyak 250 permohonan seperti berikut:

| Bt.                                  | Jenis Permohonan  | Jumlah Permohonan |
|--------------------------------------|---|-------------------|
| 1.                                   | Pemberimilikan tanah Kerajaan   | 32                |
| 2.                                   | Permohonan bagi lanjut tempoh pajakan   | 5                 |
| 3.                                   | Lesen Pendudukan Sementara  | 5                 |
| 4.                                   | Permohonan Perizaban  | 8                 |
| 5.                                   | Permit Batuan (pasir laut)  | 1                 |
| 6.                                   | Permohonan Permit Ruang Udara   | 1                 |
| 7.                                   | Pembangunan Tanah   | 8                 |
| 8.                                   | Permohonan Tukar Syarat   | 76                |
| 9.                                   | Permohonan kebenaran pindahmilik/ mencagar/ menggadai/ memajak/ memiliki bagi bukan warganegara | 79                |
| 10.                                  | Permohonan serah dan berimilik  | 9                 |
| 11.                                  | Permohonan Pembatalan Natif   | 1                 |
| 12.                                  | Permohonan Hal-Hal Lain   | 25                |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN</b> |   | <b>250</b>        |

MJKKT WP diadakan dengan kekerapan 2-3 kali sebulan bergantung kepada kertas-kertas yang lengkap diterima untuk dibentangkan. Walau bagaimanapun, MJKKT WP juga akan mengadakan mesyuarat khas jika terdapat permohonan yang memerlukan kesegeraan.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATO' HASAN BIN ARIFIN**  
**[ROMPIN]**  
**TARIKH** : **25 MEI 2016 [RABU]**  
**SOALAN** : **84**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan dengan terperinci peruntukan yang telah dibiayai menerusi Program Dana Inno, Dana Sains dan Dana Tekno bagi membangunkan bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan serta apakah hasil yang diperoleh daripada pembiayaan dana-dana terbabit kepada negara.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menawarkan dana-dana penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C) seawal Rancangan Malaysia Ke-7. Usaha-usaha meningkatkan keupayaan dan pencapaian R,D&C negara telah diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 sehingga kini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 (2001-2005), sebanyak RM1.4 bilion telah diluluskan untuk membiayai 2,529 projek R,D&C. Daripada jumlah itu, projek-projek yang dibiayai telah menghasilkan 1,056 harta intelek (IP), menerbitkan 13,148 buah penerbitan, menerima 1,187 anugerah dan melahirkan seramai 7,587 modal insan. Selain itu, sebanyak 240 projek telah dikomersialkan manakala bilangan projek yang berpotensi untuk dikomersialkan pula adalah sebanyak 1,046.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010), sebanyak RM1.5 bilion telah diluluskan untuk membiayai 3,485 projek R,D&C di bawah ScienceFund, TechnoFund dan InnoFund. Daripada jumlah itu, projek-projek yang dibiayai telah

menghasilkan 1,674 harta intelek, menerbitkan 15,082 buah penerbitan, menerima 822 anugerah dan melahirkan seramai 4,259 modal insan. Selain itu, sebanyak 3 projek telah dikomersialkan manakala bilangan projek yang berpotensi untuk dikomersialkan adalah sebanyak 741.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) pula, sebanyak RM661.5 juta telah diperuntukkan kepada MOSTI untuk melaksanakan program R,D&C di bawah ScienceFund, TechnoFund dan InnoFund. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 1,856 projek telah diluluskan dan menghasilkan sebanyak 222 prototaip, 484 harta intelek (IP), 3,547 buah penerbitan, menerima 196 anugerah di dalam dan luar negara serta melahirkan seramai 998 modal insan. Sebanyak 16 projek telah dikomersialkan manakala bilangan projek yang berpotensi untuk dikomersialkan pula adalah sebanyak 249.

Sekian, terima kasih.